



Politeknik, Kolej Komuniti tingkatkan promosi keupayaan pendidikan teknikal

Oleh [Siti Rohana Idris](#) - Mac 19, 2023 @ 3:45pm
bhnews@bh.com.my

JELI: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) kini meningkatkan aktiviti promosi dalam usaha menarik lebih ramai lepasan sekolah mengikuti pengajian bidang teknikal yang ditawarkan oleh politeknik dan kolej komuniti.

Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kamaludin Daud, mendedahkan trend kemasukan pelajar ke institusi pengajian itu agak menurun sejak tahun lalu, menunjukkan remaja kurang berminat kepada bidang teknikal.

"Statistik dikeluarkan Jabatan Perangkaan tahun lalu, merekodkan sebanyak 72 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak memohon ke mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau institusi kemahiran.

"Promosi secara aktif sedang dibuat, bukan sahaja dengan masuk ke sekolah dan mengadakan demonstrasi kemahiran, tapi juga menganjurkan pameran yang menunjukkan kemampuan politeknik serta kolej kemahiran.

"Selain itu, kita adakan jaringan kerjasama dengan peserta industri untuk berbincang mengenai apa yang kita ada, di samping mendapatkan input yang diperlukan pihak industri dalam memenuhi pasaran yang ditawarkan," katanya.

Beliau ditemui media selepas menghadiri majlis pelancaran Politeknik Jeli Kelantan (PJK) Agro Food Security Hub di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Pengarah Politeknik Jeli, Ulaimi Yahya dan Pengarah Perikanan Negeri Kelantan, Dr Erniyta Osman.

Kamaludin berkata, kemasukan ke politeknik dibuat menerusi dua kali pengambilan dengan bilangan calon untuk kemasukan kedua sebagai memenuhi kuota, dilihat sangat menurun berbanding kemasukan pertama yang mendapat sambutan.

Jelasnya lagi, ia berikutan lebih daripada calon yang gagal menempatkan diri dalam mana-mana universiti dan dalam masa yang sama tidak berminat untuk meneruskan pengajian dalam bidang teknikal.

"Kita melihat antara puncanya adalah remaja lebih memilih bidang perniagaan yang dirasakan memiliki peluang luas untuk menjana sumber pendapatan, sedangkan bidang teknikal turut berpotensi jika dikembangkan," katanya.

Kamaludin berkata, dua program pengajian yang ditawarkan di PJK iaitu Diploma Agroteknologi Dan Diploma Akuakultur akan dapat membantu dalam meningkatkan jaminan makanan (food security) di Malaysia.

"Jaminan makanan ini memberi pengaruh yang besar kepada negara di mana melalui pencapaian jaminan makanan yang baik, maka seluruh rakyat akan memperoleh manfaat yang sama rata dalam sumber makanan," katanya.



Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kamaludin Daud (empat dari kiri) melakukan gimik perasmian projek perintis usahawan ternakan ikan tilapia merah di Politeknik Jeli Kelantan (PJK) di sini.